

**Pembalakan: Kerajaan Kedah Diminta Henti Berdolak-dalik
Bernama
25 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 25 Julai (Bernama) -- Kerajaan Kedah diminta berhenti daripada terus berdolak-dalik mengenai kesan pembersihan hutan di Gunung Inas yang menjejaskan sumber air penduduk di kawasan sekitar.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah juga meminta kerajaan negeri pimpinan PAS itu berhenti berselindung di sebalik ladang rakyat.

"Kalau Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak kata nak buang pokok-pokok yang tua sahaja ia tidak masuk akal kerana untuk buat ladang rakyat kena tebang 100 peratus pokok yang ada di kawasan itu," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa, di sini, Selasa malam.

Mengulas lanjut, Ahmad Bashah berkata akibat pembersihan kawasan seluas lapan hektar itu, penduduk di daerah Sik dan Baling kini berdepan masalah bekalan air bersih.

Minggu lepas, JAS mengeluarkan arahan agar kerja pembalakan di kawasan hutan itu dihentikan bagi membolehkan jabatan tersebut membuat penilaian mengenai kesan ke atas alam sekitar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682998>

